

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Tuesday, August 1, 2017 11:37 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: Lawatan Pelajar UCI ke The Barebone Studio



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

8 Zulkaedah 1438H bersamaan 1 Ogos 2017

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Lawatan Pelajar UCI ke The Barebone Studio

UUM ONLINE: Seramai 20 Pelajar Program Inkubator Usahawan Kreatif Utara (UCI) telah membuat lawatan industri ke Syarikat The Barebone Studio sdn bhd di Kajang pada 31 Julai 2017. Rombongan ini diketuai oleh Dr. Mohamad Farhan Mohamad Mohsin, Timbalan Dekan PPA UUM CAS dan juga diiringi oleh Mentor En Mohd Raime Ramlan dan En Muhammad Iskandar Zulkarnain Muhammad Suhaimi. Tujuan lawatan ialah bagi menimba ilmu serta pengalaman Mentor Industri yang telah dipilih oleh pelajar UCI.



Nama Ted Adnan Asmadi tidak asing lagi dalam kalangan penduduk Kajang. Ted Adnan Asmadi merupakan pemilik kepada perniagaan Ted Adnan Photography & Design di Kajang. Operasi mereka terletak di The Barebone Studio, Saujana Impian, Kajang. Berbekalkan dengan minat, kini sudah 10 tahun beliau berkecimpung dalam bidang ini. Dengan bermodalkan RM10, 000 dan ruang rumah yang kecil yang dijadikan sebagai pejabat , kini beliau mampu mempunyai studio sendiri dan meraih ribuan ringgit tiap bulan.

Pada awalnya, beliau hanya membuat “freelance” dan mengambil gambar untuk majlis perkahwinan. Namun kini, telah berkembang ke bahagian komersial seperti mengambil gambar korporat untuk perniagaan-perniagaan besar dan ternama seperti GDEX, kerajaan Malaysia dan lain-lain.

Jatuh bangun dalam perniagaan itu perkara biasa kata beliau. 10 tahun yang telah dilalui pelbagai cabaran yang telah ditempuh. Perniagaan harus sentiasa berkembang. Oleh itu, daripada sekadar aktiviti mengambil gambar, kini beliau telah menambah aktiviti mengambil video sebagai aktiviti tambahan di dalam perniagaannya. Akhir sekali, alhamdulillah kini beliau telah berjaya dengan perniagaan fotografinya.

***“Jangan berhenti belajar, fokus kepada minat untuk memulakan apa jua jenis perniagaan dan sentiasa mempunyai hubungan yang terus menerus dan baik dengan masyarakat.” –
Ted Adnan Asmadi***

Habis

Email:cas-sadc@uum.edu.my

Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
OF
AMBA
ACCREDITED



BETA
GAMMA
SIGMA



AUN-QA
A Touch of Quality



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.